

TARIKH	JUMAAT, 3 FEBRUARI 2023
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	PASTIKAN PRODUK KITA DITERIMA
M/S	26
BIDANG	AGRICULTURE
KATA KUNCI	PLANT

Kuala Lumpur

**K**ementerian Perladangan dan Komoditi akan memberi tumpuan kepada peruntukan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam tujuan memasarkan produk negara ke peringkat antarabangsa dalam Belajawan 2023, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata, ini perlu kerana negara terlalu bergantung kepada import dan pada masa sama perlu memastikan agar penerimaan produk dapat dikekalkan.

“Oleh itu kita perlukan penglibatan serta melantik pakar luar negara untuk kita berunding dan memastikan produk kita diterima.

“Selain bekerjasama dengan syarikat besar industri, kita juga kena lihat pekebun-pekebun kecil sebab itu dalam konteks kayu kayan ini kita perlu lihat perladangan komuniti selain produk-produk baharu seperti kanabis, jika ia boleh dijadikan salah satu komoditi,” katanya dalam program Naratif Khas bersama Timbalan Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung oleh RTM kelmarin.

Sementara itu, beliau berkata, banyak usaha telah dibuat dan akan terus dilaksanakan kerajaan misalnya memperkenalkan standard yang hampir mencapai piawai antarabangsa bagi memenuhi segala komitmen kemampuan dan kelestarian.

“Di peringkat Malaysia, memang kita telah memberikan komitmen untuk tidak membuka ladang-ladang baharu, maknanya hu-



MALAYSIA akan berbincang dengan Indonesia pada minggu depan mengenai cara menyusun strategi supaya isu minyak sawit mendapat perhatian daripada EU.

## PASTIKAN PRODUK KITA DITERIMA

*Kementerian Perladangan dan Komoditi fokus peruntukan, R&D untuk pasar produk ke peringkat global dalam Belajawan 2023*

tan-hutan tidak lagi akan diterokai tetapi yang akan ada adalah penghijrahan daripada kelapa kepada sawit, yang membabitkan pekebun-pekebun kecil.

“Yang mungkin mencabar ialah bagaimana pekebun kecil ini dapat memenuhi

standard yang telah ditetapkan Malaysia (MSPO) di peringkat antarabangsa ada juga

“Di Malaysia kita telah memperkenalkan Minyak Sawit Lestari (RSPO), supaya kita akan dapat memasarkan pro-

Banyak usaha telah dibuat dan akan terus dilaksanakan kerajaan

Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO), supaya kita akan dapat memasarkan pro-

duk kita,” katanya, Beliau berkata, Malaysia akan berbincang dengan Indonesia pada minggu depan mengenai bagaimana untuk menyusun strategi supaya perkara ini mendapat perhatian daripada Kesatuan Eropah (EU). - Bernama

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM